



SIARAN MEDIA

PR1MA SASAR SEDIAKAN LEBIH 4,000 UNIT RUMAH DI PULAU PINANG

PULAU PINANG, 6 Februari – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang merupakan agensi di bawah Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyasarkan untuk menyediakan lebih 4,000 unit rumah dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM1.25 bilion di Pulau Pinang dalam tempoh lima (5) tahun akan datang secara berfasa.

PR1MA memiliki dua plot tanah di Pulau Pinang dengan keluasan lebih 300 ekar untuk dimajukan sebagai projek kediaman dan pembangunan bercampur. Projek pembangunan bercampur ini dirancang untuk dibangunkan dengan ciri-ciri kelestarian seperti inklusif, selamat, berdaya tahan dan berdaya huni. Usaha PR1MA ini menyokong Matlamat Pembangunan Mampan (Sustainable Development Goals) serta komitmen berterusan PR1MA untuk menyediakan rumah mampu milik selari dengan sasaran Kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) untuk membina 500,000 rumah mampu milik.

Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif dan Anggota Perbadanan PR1MA berkata, “Menyedari akan keperluan dan permintaan tinggi terhadap rumah mampu milik, PR1MA terus komited untuk membangunkan lebih banyak projek perumahan mampu milik berkualiti tinggi dengan tawaran harga berpatutan di Pulau Pinang serta lokasi-lokasi strategik lain di seluruh negara.”

Setakat ini, terdapat tiga (3) projek PR1MA di Pulau Pinang dengan 3,867 unit kediaman iaitu Residensi Pauh Permai, Residensi Bukit Gelugor Fasa 1 dan Residensi Bukit Gelugor Fasa 2. Residensi Pauh Permai dengan 1,017 unit telah disiapkan pada September 2021 dan menerima sijil Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QLASSIC) daripada CIDB dengan skor yang tinggi iaitu 74%. Residensi ini juga telah memenangi anugerah ‘*Best Development Awards for Best Mass Market High-Rise Development*’ di PropertyGuru Awards 2022. Residensi Bukit Gelugor Fasa



1 disasarkan siap pada suku ketiga 2025, manakala Residensi Bukit Gelugor Fasa 2 disasarkan siap pada suku ketiga 2026.

“PR1MA bukan sahaja bertanggungjawab untuk membangunkan projek kediaman, tetapi juga pembangunan sosio-ekonomi komuniti PR1MA yang lestari dan secara tidak langsung dapat memberikan nilai tambah kepada komuniti serta ekosistem PR1MA,” kata Datuk Seri Haji Mohd Nazri semasa mengiringi lawatan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming ke PPR Bagan Jaya, Pulau Pinang.

YB Tuan Nga Kor Ming telah melawat PPR Bagan Jaya, Pulau Pinang untuk melihat pelaksanaan projek JENDELA@PPR yang dimandatkan oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) kepada PR1MA melalui anak syarikatnya, PR1MA Communications Sdn Bhd (PR1MA Comm).

Pada tahun 2021 sebelum ini, PR1MA Comm melaksanakan fasa pertama inisiatif ini yang dipanggil JENDELA@PPR 1.0 melibatkan pemasangan “*wireless hotspot*” di kawasan guna sama (*common area*) di 36 PPR dan memanfaatkan kira-kira 150,000 penghuninya. Menerusi Aspirasi #PR1MAKita, PR1MA menggunakan peruntukan Tanggungjawab Sosial Korporat sebanyak RM1 juta untuk melaksanakan inisiatif Jendela @ PPR 1.0 ini.

Kini, PR1MA Comm diberi kepercayaan sekali lagi dalam meneruskan mandat yang lebih besar untuk melaksanakan JENDELA@PPR 2.0 di 30 PPR melibatkan sembilan (9) negeri. Melalui fasa kedua ini, kemudahan internet berkelajuan tinggi (30Mbps) akan dibekalkan terus ke 13,218 unit kediaman individu. Lebih menarik, seramai lebih 53,000 penduduk PPR akan menerima manfaat kemudahan internet secara PERCUMA selama sembilan (9) bulan.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di www.pr1ma.my atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup padacuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada info@pr1ma.my.

-TAMAT-



Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:

Perspective Strategies

James Lim (james.lim@perspective.com.my / +6012-3451871)

Amiruddin Azran (amiruddin.azran@perspective.com.my / +6011-11452867)

PR1MA

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)